

24 OCT 1999

BN-Jubli

SEJARAH TERCIPTA DALAM SAMBUTAN JUBLI PERAK BN

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) yang menjadi tonggak perpaduan rakyat pelbagai kaum dan pembangunan di Malaysia, malam ini menyambut ulang tahun ke-25 dengan perhimpunan raksasa 100,000 orang di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini.

Para penyokong 14 parti komponen BN dan orang ramai membanjiri Stadium Nasional sejak awal petang ini untuk sama-sama menyertai perhimpunan terbesar dalam sejarah politik tanah air selepas perhimpunan perisytiharan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.

Mereka membawa bersama bendera dan sepanduk BN bagi menghadiri sambutan bersejarah itu sementara di luar dan sekeliling stadium dipasang dengan beribu-ribu kain pemedang yang tertera dengan tema sambutan itu.

Majlis sambutan Jubli Perak BN yang bertemakan "Teguh, Padu Ke Alaf Baru" itu turut diadakan secara serentak di stadium-stadium negeri di seluruh negara dengan penyertaan tidak kurang daripada 200,000 orang.

Berjuta-juta lagi rakyat menyaksikan sambutan ini melalui lintas langsung di televisyen.

Sambutan besar-besaran malam ini dianggap penting untuk mengingatkan rakyat mengenai sumbangan besar BN dan peranannya sejak zaman Perikatan untuk bangsa dan negara.

Ini lebih lagi untuk sebuah gabungan yang dianggotai oleh 14 parti dengan jumlah keahlian sebanyak 4.7 juta orang, daripada sejumlah 22 juta penduduk Malaysia.

Acara yang dinantikan malam ini yang turut dihadiri oleh diplomat asing ialah amanat khas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN.

Aturcara bermula dengan persembahan seni dan kebudayaan dari pukul 6 petang hingga 7 malam, diikuti perbarisan melintasi pentas utama oleh parti-parti komponen, bacaan doa, nyanyian lagu kebangsaan "Negaraku", upacara menaikkan bendera BN oleh Dr Mahathir sambil diiringi lagu BN dan deklamasi sajak.

Dr Mahathir yang tiba di stadium itu pada 8.30 malam dengan menaiki kereta Proton Cabriolet mengelilingi stadium dengan melambaikan tangan sambil disambut dengan sorakan "Malaysia Boleh" dan teriakan sokongan untuk BN. Beliau diiringi oleh 25 motosikal jaguh, 12 kereta keluaran Perodua dan 13 kereta keluaran Perusahaan Automabil Nasional Berhad (Proton).

Ketika tiba di pentas utama Perdana Menteri telah disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan lain-lain pemimpin parti komponen BN.

Deklamasi sajak bertajuk "Balada Perjuangan" disampaikan oleh Timbalan Naib Chanselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah.

Sajak selama 10 minit itu mengimbas sejarah perjuangan rakyat terdahulu untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajah British dan juga mengisahkan tentang kejayaan-kejayaan yang telah dicapai negara setelah merdeka, hasil usaha pemimpin-pemimpin BN dahulu dan sekarang.

Sajak itu juga mengingatkan rakyat supaya terus menyokong BN dan telah terbukti berjaya membawa kestabilan dan kemajuan kepada negara ini.

Ia juga memberikan harapan kepada rakyat bahawa cita-cita kita untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 akan tercapai, sekiranya BN terus memerintah.

Sebanyak 2,200 anggota Soka Gakkai Malaysia turut membuat persembahan

grafik manusia dengan menghasilkan logo-logo 14 parti komponen BN dengan menggunakan `flip card`.

Para hadirin juga berpeluang menatap perkembangan sejarah negara sebelum dan selepas kemerdekaan dan sumbangan BN dalam membangunkan negara melalui skrin besar yang ditunjukkan.

BN merupakan susulan kepada perikatan Umno, MCA dan MIC yang sama-sama telah memperjuangkan kemerdekaan tanah air daripada British.

Bertitik tolak daripada itu, BN kini disertai 11 lagi parti politik dari seluruh negara iaitu Gerakan, PPP, SAPP, PBRs, UPKO, LDP, Akar, SUPP, SNAP, PBB dan PBDS.

Selain kesemua pemimpin parti komponen BN, yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyampaikan ucapan selaku pengerusi jawatankuasa induk sambutan.

Dalam ucapannya Abdullah berkata BN telah membuktikan kejayaannya menyatukan pelbagai kaum di negara dan ini adalah hasil perkongsian kuasa dan permuafakatan yang didokongnya sekian lama.

BN didaftarkan pada 1 Jun 1974. Ia menggunakan simbol dacing dengan berlatarbelakangkan warna biru gelap sebagai tanda saksama, adil dan kemakmuran untuk negara.

Majlis sambutan malam ini menjadi lebih bersemangat apabila Dr Mahathir mengetuai bacaan ikrar di akhir majlis yang menumpukan kepada keazaman BN untuk terus mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Dalam ikrar itu yang dibacakan dengan lampu stadium ditutup, BN menyatakan azamnya untuk terus membangunkan negara ini menerusi perancangan strategik serta dasar-dasar bagi membawa negara ini ke alaf baru serta meningkatkan kejayaan negara di semua peringkat.

BN juga berazam untuk terus memerangi fahaman sempit perkauman dan ekstrimisme demi kesejahteraan masa depan agama, bangsa dan negara.

Sementara itu Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, perpaduan dalam BN dijangka terus erat dan ini akan membantu pembangunan negara yang lebih pesat lagi.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu pula berkata BN telah membuktikan bahawa hanya parti itulah yang mampu dan boleh melakukan apa jua untuk pembangunan dan kestabilan negara.

Menteri Kerja Raya itu berkata BN akan meneruskan kesinambungan membela nasib rakyat dengan lebih bersemangat dan penuh komitmen.

Naib presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak berkata sambutan menggalakkan yang diberikan oleh rakyat bagi majlis ini memperlihatkan bahawa BN berpeluang cerah untuk terus memerintah negara.

-- BERNAMA

TEAM PR